

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 8, 2017 3:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lebih 2,000 Mahasiswa Serbu UUM Career And Training Fair 2017



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



08 MAC 2017 / 09 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

LEBIH 2,000 MAHASISWA SERBU UUM CAREER AND TRAINING FAIR 2017



UUM ONLINE: Lebih 2,000 mahasiswa membanjiri Dewan Mua'dzam Shah sempena Universiti Utara Malaysia Career And Training Fair 2017 anjuran Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC), semalam.

Pengarah CDC, Dr. Awan Ismail berkata, program membuka jalan kepada pelajar di institusi pengajian tinggi mencari peluang pekerjaan dan tempat bagi menjalani praktikum.

Menurutnya, program ini memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar tentang peluang pekerjaan dan temuduga terbuka yang dikendalikan oleh syarikat yang terlibat dalam membina kerjaya.

“Kita menyediakan platform kepada mahasiswa untuk berinteraksi dengan syarikat multinasional dalam membina rangkaian selain mempromosikan UUM kepada masyarakat.

“Jadi, rebutlah peluang keemasan untuk berjumpa 17 buah syarikat mengambil bahagian antaranya Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Huawei Technologies (M) Sdn Bhd, 99 Speed Mart Sdn. Bhd, Maybank, Nippon Paint dan Etiqa Takaful Berhad.

““Saya berharap kerjasama ini akan berterusan dan pelajar terus diberi kesempatan bukan sahaja menjalani praktikum malah diberi kepercayaan untuk menjadi kakitangan kelak,” katanya.

Beliau berkata, pendedahan seumpama ini membantu melonjakkan kebolehpasaran graduan sekali gus mengurangkan pengangguran dalam kalangan pelajar universiti.

Sepanjang program berlangsung, pelajar didedahkan dengan sesi ceramah kerjaya, pameran kerjaya, taklimat praktikum, taklimat Program Latihan Industri Perpaduan dan sesi soal jawab , selain pelbagai *booth* yang sarat dengan info menarik.

Turut diadakan *walk-in interview* oleh syarikat yang berpotensi manakala calon yang berjaya dalam temuduga tersebut akan dihubungi untuk bekerja di syarikat mereka.

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Siti Faizzah Nor Zahar, 22, berkata, program seumpama ini memberi pendedahan tentang kemahiran insaniah dan komunikasi yang perlu ada dalam diri pelajar selaras dengan kehendak pasaran masa kini.

Katanya, pameran kerjaya itu memberi peluang kepada pelajar berinteraksi dengan pelbagai syarikat yang berpotensi serta menjadi medan terbaik untuk mencari tempat praktikum.

“Penerangan mereka membuatkan kita terpesona dan tertarik untuk bekerja dengan mereka bukan sahaja menjalani latihan amali, malah turut menawarkan pekerjaan tetap.

“Melalui program ini, saya dapati UUM terlibat dalam banyak jalinan kerjasama dengan syarikat luar, selain mengatur sesi praktikum di syarikat yang terbaik ini,” ujarnya.

Tambahnya lagi, kebanyakan syarikat yang menyertai pameran kerjaya itu mencari pelajar yang memiliki *soft skill* misalnya meminta pelajar memperkenalkan diri dalam Bahasa Inggeris untuk melihat sejauh mana penguasaan bahasa tersebut.

Menurutnya, dengan pendedahan itu, dia boleh meningkatkan kemahiran diri sebelum menamatkan pengajian dan pengalaman menjadi salah seorang sekretariat CDC sejak menjejakkan kaki ke universiti ini membuka peluang kepadanya mengasah *soft skill* diri.

Katanya, dia mempelajari banyak perkara seperti menjadi pengacara, membantu pengurusan acara yang mana secara tidak langsung membantu memantapkan kemahiran komunikasi dan meningkatkan keyakinan diri.

Pelajar Sarjana Muda Perbankan, Teo Sze Wee, 23, menyifatkan perkongsian bersama pihak syarikat membuka minda yang menggalakkan pelajar membangunkan kecenderungan dan bakat menerusi sesi perkongsian yang menarik.

“Sebelum menyertai Career Fair, dengan pengetahuan terhad saya tidak pasti untuk membuat pilihan syarikat yang tepat dengan kelayakan namun setelah diberi taklimat berjaya mengubah cara sudut pandang dan realiti kerjaya.

“Jadi, saya kena *study* lebih untuk dapat keputusan cemerlang dan meningkatkan *soft skill* sekali gus menjadi buruan syarikat selain banyak buat *research* tentang syarikat yang ingin dimohon,” akui

Manakala Pelajar Sarjana Muda Perbankan, Nursyafikin Zainal, 22 berkata, pengisian bermanfaat membantu pelajar mengenali diri, membuat persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan serta memberi peluang kepada belia berkongsi idea dan minat.

“Program ini sangat dekat dengan pelajar dan wajar diteruskan kerana membantu meningkatkan pengetahuan sebagai persiapan menghadapi dunia pekerjaan yang penuh mencabar,” cadangnya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Karim turut hadir menyampaikan sijil penyertaan kepada semua syarikat yang mengambil bahagian.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.